

Najib rasmi Wisma UMNO Langkawi
Utusan Online
December 9, 2011

LANGKAWI 8 Dis. - Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini merasmikan Wisma UMNO Langkawi di Pekan Kuah di sini sekali gus menjadi simbolik kepada usaha parti memberikan khidmat terbaik kepada rakyat khususnya penduduk Langkawi.

Najib dalam ucapannya pada majlis perasmian bangunan baru bernilai RM1.65 juta itu melahirkan rasa gembira dengan sokongan padu penduduk pulau pelancongan terkemuka negara itu terhadap UMNO.

"Bangunan baru yang tersergam indah di tempat paling strategik di Pekan Kuah ini serba lengkap dengan pelbagai kemudahan. Ia sebagai cerminan UMNO mendapat sokongan padu daripada penduduk khususnya di Langkawi.

"Lambang UMNO terserlah dan boleh dianggap manifestasi hati nurani UMNO bukan sekadar memiliki bangunan baru tetapi lebih kepada memberikan khidmat terbaik kepada anggota masyarakat.

"Biarlah parti dianggap sebagai dapat dilihat, dipandang dan diterima sebagai parti yang bukan mampu membuat janji tetapi menunaikannya," katanya di hadapan lebih 8,000 orang yang hadir menyaksikan peristiwa bersejarah itu.

Hadir sama, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Ahmad Bashah Md. Hanipah dan beberapa menteri Kabinet.

Antara yang hadir Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop; Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Johari Baharom serta Ketua UMNO Bahagian Langkawi, Datuk Ir. Nawawi Ahmad.

Dalam pada itu, Najib yang juga Presiden UMNO berharap kemudahan tersebut dapat digunakan dengan sebaik mungkin oleh kepimpinan UMNO Bahagian Langkawi untuk memberikan khidmat bakti terbaik kepada rakyat.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1209&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_08.htm